

# Najib tandatangan surat pinjaman

**Pinjaman  
RM2 bilion  
daripada KWAP  
kepada SRC**

**KUALA LUMPUR**


**M**ahkamah Tinggi semalam diberitahu bahawa Datuk Seri Najib Tun Razak telah menandatangani surat jaminan kerajaan Malaysia ke atas pembiayaan pinjaman Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) kepada SRC International Sdn Bhd berjumlah RM2 bilion bagi tempoh 10 tahun.

Bekas Penolong Naib Presiden di Jabatan Pendapatan Tetap (KWAP), Amirul Imran Ahmat, 39, ketika membacakan pernyataan saksinya berkata, surat berkenaan

telah ditandatangani Najib, selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika itu pada 27 Mac 2012.

Amirul Imran yang menyambung keterangannya semalam berkata, KWAP ada menerima surat daripada Kementerian Kewangan bertarikh 28 Mac 2012 yang merupakan persetujuan kerajaan Malaysia untuk memberikan jaminan kepada SRC selaras dengan kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Februari 2012.

"Surat ini turut memohon KWAP untuk mempertimbangkan agar pengeluaran wang pinjaman dapat dilakukan terlebih dahulu dan Kementerian Kewangan memberikan akujanji untuk menyerahkan jaminan kerajaan selewat-lambatnya 10 hari," kata-



**Najib (kanan) meninggalkan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam selepas perbicaraan kes SRC International Sdn Bhd.**

nya ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ishak Mohd Yusoff pada perbicaraan hari ke-13 kes Najib yang didakwa atas tujuh pertuduhan berhubung dana SRC

berjumlah RM42 juta.

Amirul Imran yang kini Naib Presiden Pinjaman Tetap SME Bank berkata, KWAP kemudian telah menerima *Form of Utilization Notice* iaitu surat permo-

honan pengeluaran wang pinjaman oleh SRC kepada KWAP yang menyatakan butir-an akaun bank SRC di AmIslamic Bank Berhad dengan nombor akaun 211-202-201065-0.

Saksi pendakwaan ke-29 itu berkata, KWAP meluluskan pinjaman itu melalui keputusan Mesyuarat Panel Pelaburan selepas Kertas Panel Pelaburan dibentangkan ketuanya, Ahmad Norhisham Hassan pada Mac 2012.

Amirul Imran turut menjelaskan bahawa pinjaman tambahan RM2 bilion itu adalah untuk membiayai aktiviti pelaburan dalam sumber asli dan modal pusingan sahaja dan bukan aktiviti pelaburan am.

"Wang pinjaman KWAP tidak boleh digunakan untuk tujuan tanggungjawab sosial korporat kerana kerjakerja sosial, amal dan politik tidak dinyatakan dalam perjanjian pinjaman," katanya. - *Bername*